



PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
Office of the Chief Registrar  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
Federal Court of Malaysia  
ISTANA KEHAKIMAN  
PRESINT 3  
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500

03-88803782

Faks : 03-88803886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK/MP 116(53)/726/1

Tarikh :

08 Jun 2011

Semua Pesuruhjaya Sumpah  
Seluruh Malaysia

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA  
PENURUNAN CAP JARI DEPONEN PADA DOKUMEN DAN BUKU DAFTAR  
MELIBATKAN TRANSAKSI JPJ**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. YAA Ketua Hakim Negara telah mengarahkan agar semua Pesuruhjaya Sumpah memastikan deponen yang ingin mendapatkan perkhidmatan Pesuruhjaya Sumpah menurunkan cap jari pada **semua dokumen dan rekod buku daftar yang berkaitan dengan transaksi Jabatan Pengangkutan Jalan sahaja**.

3. Bagi tujuan penurunan cap jari ini, semua Pesuruhjaya Sumpah adalah dikehendaki untuk mematuhi perkara-perkara berikut:

- i) Pesuruhjaya Sumpah yang bukan Pegawai Awam (Peguam / Orang Lain) hendaklah membeli sendiri **pengecap cap jari** berdakwat (fingerprint-pad ink). Penggunaan pengecap cop biasa (stamp-pad) adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- ii) Jalur-jalur cap jari hendaklah dipastikan jelas dan terang.
- iii) Format buku daftar terkini seperti yang dilampirkan hendaklah diguna pakai dan diisi dengan teratur.
- iv) Bagi Pesuruhjaya Sumpah (Pegawai Awam) pula, Ketua Jabatan masing-masing hendaklah menyediakan pengecap cap jari (fingerprint-pad ink) bagi tujuan tersebut.

..2/

4. Sekiranya terdapat mana-mana Pesuruhjaya Sumpah yang enggan mematuhi arahan di atas, tindakan akan dikenakan selaras dengan Kaedah 18 Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993.
5. Maka dengan ini Arahan Ketua Hakim Negara kepada semua Pesuruhjaya Sumpah bertarikh 19 Mei 2011 adalah dibatalkan.
6. Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh surat ini.

Sekian terima kasih.

(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

s.k.

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Y. Bhg. Peguam Negara Malaysia  
Jabatan Peguam Negara  
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
Kuching

(Borang 7)

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964  
KAEDAH-KAEDAH PESURUHJAYA SUMPAH 1993

(Kaedah 14)

DAFTAR YANG DIKEHENDAKI DISENGGARA  
OLEH PESURUHJAYA SUMPAH

Tarikh	Nama dan No. Kad Pengenalan	Jenis Dokumen	Bilangan Dokumen			Fee dikenakan	Cap Jari/Tandatangan
			Asal	Salinan	Asal		
	Nama:						
	K/P:						
	Nama:						
	K/P:						
	Nama:						
	K/P:						
	Nama:						
	K/P:						